

# Medan Bahasa

## Kesalahan-kesalahan yang Kerap Kali Berlaku di dalam Bahasa Melayu

(2)

“ . . . . . kesalahan tiada memilih tempat. Ia boleh berlaku di mana-mana pun dan kepada sesiapa jua, baik yang bodoh atau cerdik, baik yang sudah belajar di universiti-universiti, baik guru, baik pun murid. Dengan hal yang demikian janganlah kita mudah terikut akan orang yang membuat salah itu oleh sebab ia termasyhur atau berilmu sekalipun. Jangan pula kita terikut-ikut orang yang terpelajar kerana melihatkan dia memulakan ayat dengan ((Pula)), ((Pun)) dan sebagainya, yang hak itu tetap yang hak.”

Demikian kata Tuan Nukman Alimin, antara lain-lain dalam karangannya bahagian yang kedua ini – P.Q.

(Oleh: Nukman Alimin)

(31) “Cuma dalam tahun-tahun tiga puluhan sahaja, iaitu zaman yang dapat digelar zaman keemasan persuratkhabaran ((dalam mana)) bilangannya melipat ganda sepuluh kali dari zaman-zaman sebelumnya, baharu nampak secara sedar kelahiran bentuk-bentuk *fiction*, roman dan cerpen dalam alam kesusasteraan Melayu.”

Kesalahannya: “dalam mana” itu tiada boleh dijadikan penyambung ayat.

Kenalah susun semula ayat itu jadi begini

(lebih kurangnya):

“Dalam tahun-tahun tiga puluhan sahaja, bilangan suratkhbar berlipat ganda sepuluh kali dari zaman-zaman

sebelumnya. Dari semenjak itu baharulah lahir karangan-karangan rekaan, roman dan cerpen, di dalam alam kesusasteraan Melayu. Oleh yang demikian dapatlah digelar zaman itu zaman keemasan bagi surat khabar.”

(32) “Penijauan<sup>1</sup> serupa, ini tentu ada gunanya, kerana dengan sendirinya akan mempermudah langkah-langkah kita dalam mencari bahan kata-kata bahasa Melayu yang sudah sekian lama terpecah-pecah, dengan mendapat perubahan sebutan menurut daerah masing-masing. ((Pun, dengan demikian)) mempermudah usaha kita untuk mengenal, apakah daerah-daerah itu akan tetap kekal hidup dengan bahasa daerahnya, atau daerah mana satu yang sudah demikian banyak melakukan

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah ‘Peninjauan’.

perubahan sebutan dari kata bahasa Melayu yang mereka telah ambil itu.”

– (Dewan Bahasa, Disember 1960.)

Memulakan ayat dengan ((Pun)) itu sangat besar kesalahannya. Mulakanlah ayat yang kedua itu begini:

“Hal yang demikian mempermudah usaha kita untuk mengenal.....”

(33) “((Tetapi)) walaupun kita dapati banyak benar kata-kata yang sudah berubah sebutannya, ((tetapi)) bangun bahasa Melayu yang digunakan oleh setiap daerah tadi masih tetap bangun bahasa Melayu yang kita gunakan sehari-hari di Tanah Melayu, kalau ditinjau ((di segi)) tatabahasa.”

– (Dewan Bahasa)

Yang betulnya begini:

“Walaupun kita dapati banyak benar kata-kata yang sudah berubah sebutannya, tetapi kalau ditinjau dari segi bahasa, maka bangun bahasa Melayu yang digunakan oleh setiap daerah tadi masih tetap bangun bahasa Melayu yang kita gunakan sehari-hari di Tanah Melayu.”

(34) Pemakaian perkataan ((namun))

“Sungguhpun kita ketahui bahawa naskhah Sejarah Melayu telah siap dikarang atau disusun pada tahun 1612, ((namun)) kita masih jahil tentang berapa lamakah sebelum itu pantun sudah berada di dalam masyarakat kita.”

– (Dewan Bahasa, Disember 1960).

(a) Perkataan ((namun)) di dalam ayat itu salah tempatnya digunakan. Nyatalah yang si penulis ayat itu tiada berapa mengerti akan makna ((namun)). Di dalam bahasa Jawa perkataan ini disebut ((lamun)), dan

kuasa kedua-duanya tiada berubah, biasanya perkataan ((namun)) atau ((lamun)) itu digunakan di dalam syair atau karangan berangkap. Misalnya:

“Tanjung Darat Padang Seringan

Tempat taman raja berjuntai

Harapku berat, langit nan ringan

Mati kempunan lamun tak sampai.”

– (Munsi Sulaiman)

(b) Kerjanya, menurut keterangan Tuan Za’ba demikian:

Lamun – “Menambatkan sambungan syarat, tetapi dengan makna membenarkan jadinya syarat itu, seperti ‘Lambat sangat akan dapat juga lamun dikerjakan’.

(t) ((Namun)) atau ((lamun)) itu bolehlah dijumlahkan di dalam kawanan kata:

Jika, jikalau, kalau, lau, walau, kalau-kalau, nyamping-nyamping, asakan (asalkan), sukat, meskipun, gerang (gerangan), agak, sungguhpun, sementang (mentang-mentang), tetapi kerja atau kuasanya masing-masing berlainan.

Di dalam bahasa Inggeris, lamun (namun) –

*provided if*

Asa, asakan (asal, asalkan), sukat –

*provided that*

Sungguhpun, walau(pun), meskipun –

*even if, although*

Jika, jikalau, kalau, lau, -

*if, although, in case*

Gerang, gerangan, agak gerangan –

*by any chance, if only*

Sementang, mentang-mentang

*although, granting that: while*

Senyamping, nyamping-nyamping, kalau-kalau –

*for fear that; just in case*

(th) Lihatlah pemakaiannya di dalam ayat-ayat ini: -

Lamun, namun – “Lambat sangat akan dapat juga

lamun, diusahakan.”

Asa (asal), asakan (asalkan), sukat –

“Asakan (sukat) tuan mahu jadilah kerja ini.”

Sungguhpun, walau (pun), meskipun –

“Sungguhpun ia kaya, (tetapi) ia tidak

kedekut.”

“Aku berani mati, walau apapun jadi.”

“Meskipun hari hujan, ia datang juga.”

Jika, jikalau, kalau, lau, sekiranya – “Jika

hendak mengenal orang yang berilmu, bertanya dan belajar

tiadalah jemu.”

– (Gurindam)

Gerang, gerangan, agak gerangan –

“Kalau kita ditanya orang,

Kemudi manusia apakah gerang?

Berilah jawab dengannya terang

Akal akal akal akal!”

– (Surat Kiriman Awal, 1930)

“Cahaya apa gerangan bernyala-nyala itu?”

– (Sejarah Melayu)

Sementang, mentang-mentang – “Mentang-mentang awak kuat dan saya

lemah, awak hendak melawan saya.”

“Janganlah menyombong sementang awak ada kereta besar.”

Senyamping, nyamping-nyamping, kalau-kalau – “Senyamping bertemu bapa

hamba ini berbuat kasih akan hamba . . . . .”

– (Sejarah Melayu)

“Senyamping tuan bertolak pada keesokan hari,

harap kita bertemu lebih dahulu.”

“Pergilah lihat kalau-kalau dia sudah datang.”

“Takut saya kalau-kalau dibunuhnya saya pula.”

(j) Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia

pula, namun atau lamun itu ertinya: meski dan

kalau, atau: kalau dengan syarat.

Sesungguhnya ((meski)) dan ((kalau)) itu tiada

tepat. Tetapi ((kalau dengan syarat)) lebih kurangnya maknanya

dengan ((asakan)). Dan lagi kebanyakan ahli bahasa telah

sepakat mengatakan bahawa ((namun)) (lamun) itu ada

perbezaannya sedikit-sedikit dengan ((asakan)), ((meski)),

((kalau)) dan kawan-kawannya.

(h) Walau bagaimanapun jikalau dimasukkan

perkataan meski atau meskipun di dalam ayat yang diberi

pada awal ceraihan ini tadi tentulah canggung bunyinya.

Perhatikanlah:

“Sungguhpun kita ketahui bahawa naskhah Sejarah

Melayu telah siap dikarang atau disusun pada tahun

1612, meski (meskipun, jika d.s.) kita

masih jahil tentang . . . . .”

Oleh yang demikian ketaralah sudah, bahawa penulis

ayat itu memakai perkataan ((namun)) dengan maksud

((tetapi)). Maka sudah tentulah salah. Mengapa tiada

digunakan perkataan ((tetapi))?

(35) “Arang-arang batu sekarang ini tidak lagi

((membawa banyak kemerbahayaan)) kepada buruh-buruh yang bekerja

di dalam lombong-lombongnya . . . . .”

– (Majalah Dian, bilangan 2)

Katakanlah:

“Arang-arang batu sekarang ini tidak lagi memberi bahaya

kepada buruh-buruh yang bekerja di dalam lombong-lombongnya . . . .”

Adapun susuk seperti ini ada terdapat di dalam karangan-karangan lama. Misalnya seperti: memberi rawan, seperti pilu, memberi hairan segala yang memandangnya, d.l.l.

“Maka segala bunyi-bunyian yang di atas perarakan itu pun dipalu oranglah riuh rendah bunyinya, memberi pilu hati segala yang mendengar bunyinya itu.”

– (Hikayat Sang Sembah)

(36) “Sistem demokrasi tak ubah seperti sebuah bekas yang boleh diisi buah masak ((yang cita rasa)) dan boleh pula diisi buah putik pahit *li famm*.”

– (Majalah Diyan)

Nampaklah dari sini yang penulis ayat itu tidak tahu erti ((cita rasa.)) Adapun ((cita)) itu perkataan Sanskrit, ertinya di dalam bahasa kita Melayu ialah: ((perasaan)), ((gerak hati)) (*emotion*).

Cita-cita – keinginan hati, azam.

Duka cita (dukacita) – duka perasaan hati, sedih.

Suka cita – suka perasaan hati, riang.

Lazat cita – lazat rasa, enak, nyaman.

Pucuk dicita hulam mendatang – pucuk diingin-inginkan, hulam mendatang.

Jadi nyatalah yang dimaksudkan oleh penulis itu ialah:

((Sistem demokrasi tak ubah seperti sebuah bekas yang boleh diisi buah masak yang lazat cita rasanya dan boleh . . . . .”

(37) “Penguasaan parti ini kadang-kadang

embawa mula-mulanya kepada nafsu ((kemaharajalelaan)) secara kecil dan akhirnya ((kemaharajalelaan)) itu meluas dan tertunjang dengan tegaknya.”

Eloklah disusun semula ayat ini. Perkataan ((kemaharajalelaan)) selepas perkataan ((nafsu)) itu gantikan kepada ((bermaharajalela)), dan selepas ((akhirnya)) itu baik tiada dimasukkan langsung. Masukkan perkataan ((ia akan)) pada tempat itu. Jadilah:

“Terkadang pada mula-mulanya penguasaan parti ini juga membawa kepada nafsu bermaharajalela secara kecil dan akhirnya ia akan meluas dan bertunjang dengan tegaknya.”

(38) “Dia membawa serumpun ((bunga yang kemudian diserahkan)) kepada seorang wadar supaya diisi dalam ((ketul)) untuk hiasan kamarku.”

Ayat itu mengikut susuk dagang. Perkataan ((ketul)) itu digantikan dengan ((ketur)).

“Dia membawa serumpun bunga, kemudian menyerahkannya kepada seorang wadar supaya diisi dalam ketur untuk perhiasan kamarku.”

(39) “Beliau ((dikirim)) oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk belajar di Indonesia dengan biasiswa Pemerintah Indonesia dalam Rancangan Colombo.”

– (Mastika, Oktober 1960)

Perkataan ((dikirim)) itu digantikan dengan ((dihantar)). ((Kirim)) hanya digunakan bagi barang-barang sahaja, bukan bagi orang. Adapun ((hantar)) boleh dipakai bagi kedua-duanya.

(40) “Jalan ini tidak berapa sibuk, kerana sedikit sahaja ((keinderaan)) yang lalu-lalang.”

((Keinderaan)) bererti tempat kediaman indera-indera atau dewa-dewa.

Yang dimaksudkan oleh penulis itu ialah kenderaan.

(Atau lebih tepat lagi – kenderan), ertinya kenaikan.

### Menggunakan Perkataan “Atas”

(41) Menggunakan perkataan ((atas)) bukan dengan cara Melayu.

(a) “Saya mengucapkan terima kasih ((atas)) kesudian tuan datang ke rumah saya.”

Tulislah: “Saya ucapkan terima kasih kerana kesudian . . . . .”

(b) “Diwajibkan ((atas)) kamu puasa, sebagaimana diwajibkan ((di atas)) mereka yang dahulu dari kamu.”

Buangkanlah ((atas)) dan ((di atas)) itu. Tulis: “Diwajibkan kamu puasa . . . . .”

(t) “Dalam Injil Barnaba fasal 53 ada berbunyi: “Biarlah terkena laknat ((di atas)) orang yang memasukkan di dalam bilangan perkataan-perkataanku, bahawa aku ini anak Allah.”

Tulis demikian:

“. . . . .biarlah terkena laknat kepada orang yang memasukkan . . . . .”

(th) “Mereka memohon ampun ((atas)) kesalahan itu.”

Gantikan ((atas)) dengan ((kerana)).

(j) “Keadaan masa itu tak dapat tidak banyak berpengaruh ((atas)) dirinya, memaksanya supaya bersungguh-sungguh berusaha menjadi orang yang berilmu dan berjabatan dalam negeri.”

– (Hikayat Kalilah dan Daminah)

((Atas)) dalam ayat itu hendaklah digantikan

“kepada”.

(ch) “Dari hari ini ((ke atas)) maka tertanamlah benih persahabatan antara kita berdua.”

((Dari hari ini ke atas)) itu betul menurut susuk Inggeris. Tulislah:

“Dari hari ini, tertanamlah benih . . . . .” atau:

“Semenjak hari ini, tertanamlah benih . . . . .”

(h) “((Atas)) nama persatuan ini, maka kami . . . . .”

Tulislah: “Dengan namapersatuan ini, maka kami . . . . .”

(kh) “Selawat ((ke atas)) Nabi, dan selawat ((ke atas)) Rasul.”

Tulislah: “Selawat kepada Nabi, selawat kepada Rasul.”

### Apabila, Apakala

(42) Menggunakan ((apabila)), ((apakala)), ((manakala)), ((bila)) bukan pada tempatnya.

(a) “Polis dan pegawai-pegawai Jabatan C.I. D. telah berkejaran ke Aminah English School pagi ini ((apabila)) penuntut-penuntut sekolah tersebut ((telah)) mogok sekali lagi.”

Memakai ((apabila)) seperti dalam ayat ini ialah mengikut kaedah Inggeris. Perkataan ((telah)) itu hendaklah dibuang. Gantikan ((apabila)) itu dengan “pada masa” atau “ketika”.

(b) “Inilah harga getah ((manakala)) pasar ditutup hari ini.”

Katakanlah: “Inilah harga getah ketika (atau pada masa) pasar ditutup hari ini.”

Memadalah dengan dua contoh ini sahaja. ((Apakala)) dan ((bila)) pun salah juga jika dipakai secara itu.

((43)) Memakai ((sementara)) dan ((manakala)) dengan kaedah dagang.

(a) “Raga ini berisi durian, ((sementara)) yang satu lagi itu berisi rambutan.”

Buanglah ((sementara)) itu dan tulislah begini:

“Raga ini berisi durian, yang satu lagi itu berisi rambutan.”

(b) “Ia mengambil yang besar-besar, ((manakala)) yang lain-lain diberinya kepada adiknya.”

Tulislah:

“Ia mengambil yang besar-besar, yang kecil-kecil diberinya kepada adiknya.”

Baharu-baharu ini ada pula orang menggunakan ((sedangkan)) dengan kaedah yang serupa ini. Misalnya:

“Biarlah dia sahaja bercakap, ((sedangkan)) yang lain-lain itu dengarlah.”

Tulislah: “Biarlah dia sahaja bercakap, yang lain-lain itu dengarlah.”

((Sedangkan)) tiada boleh dipakai dengan kaedah itu kerana ertinya “lagi”.

Misalnya: “Jangankan orang miskin, sedangkan orang kaya tak sanggup membelinya.”

Adakalanya ditulis ((sedang)) sahaja, tiada dibubuh ((kan)) seperti:

“Sedang ia budak lagi demikian, jikalau besar berapa lagi besar akalannya?”

– (Sejarah Melayu)

((Sedang)) atau ((sedangkan)) ini mempunyai empat lima *tamāliyyah* (variant): –

Salangkan, selangkan, saling, selang, alangkan.

Kuasa-kuasanya masing-masing serupa sahaja.

(44) “Maka pada pagi-pagi hari maka baginda pun mengembalikan segala harta amanah orang yang ada pada Nabi Allah itu masing-masing kepada yang ((empunya)).

((Empunya)) itu salah kerana mengulang-ulangkan ((nya)).

Tulislah:

(( . . . . masing-masing kepada yang empunya)).

Jangan disangka yang ((empu)) itu tiada bermakna.

((Nya)) pada ((empunya)) ialah ganti nama.

Empu (empu) jangan dikelirukan dengan ampu (ampu) yang bermakna angkat.

Mengempu (mengempu) ertinya memiliki.

Mengampu (mengampu) ertinya mengangkat.

Perkataan ((empu)) ini ada terdapat pada sebuah batu nisan tua di Minye Tujuh, iaitu bertarikh kira-kira tahun Masihi 1380. Demikianlah bunyinya antara lain:

“ . . . . Raja Iman Warda (?) rahmat Allah.

Gusta baru basa ((empu)) hak Kedah Pasai Ma

Taruk tasih tanah samuha

Ilahi Ya Rabbi Tuhan samuha

Taruh dalam suwarga tatuha.”

Syair ini telah diterjemahkan oleh Dr. Setatar

Haim, demikian ertinya antara lain:

“ . . . . Raja Iman Warda (?), rahmat Allah baginya

Empu hak atas Kedah dan Pasai

Menaruk di laut dan di darat semuanya

Ilahi Ya Rabbi, Tuhan Semua

Taruhlah baginda dalam Syurga tuan.”

Selain daripada itu perkataan mengempu (mengempu) ada kedapatan di dalam surat Sultan Aceh (1024 Hijrah).

Diturunkan di sini dengan memakai hejaan baharu:

“Surat daripada Seri Paduka Perkasa Alam Johan

Daulat, Raja yang beroleh martabat kerajaan, yang dalam takhta kerajaan yang tiada terlihat oleh penglihat, yang tiada terdengar oleh pendengar, yang bermahligai gading, berukir berkerawang, bersendi bersindora, berwarna sada linggam, yang berair emas, yang beristana saujana menantang, yang bersungai berikat pada batu palinggam, yang empunya cermin yang terupam, yang berpancuran mas bepermata beberapa daripada pancuran perak, raja yang ((mengempukan)) perbendaharaan daripada seni mas, dan seni perak, dan daripada galian mas yang dalam negeri Pariaman pada Gunung negeri Salida, yang ((mengempukan)) permata sembilan jenis . . . . .”

Hanya setakat itulah saya salinkan.

Selain daripada itu ada dua tiga tempat lagi di dalam surat itu yang didapati perkataan itu padanya.

Perkataan ((empu)), ((mengempu)) yang bermakna ((memiliki)) itu boleh juga dijumpai di dalam Kamus Winstedt.

Menurut Winstedt, perkataan ((perempuan)) itu haruslah daripada ((empu)) juga, maknanya ((yang dimiliki)) atau ((yang menjadi milik)).

Maksudnya ialah ((wanita)). Perkataan ((perempuan)) itu terjadi semacam perkataan ((pertemuan)) juga, yang berasal dari ((temu)), ertinya ialah ((jodoh)) atau ((orang yang ditemui)).

Di dalam karangan-karangan Melayu lama dan baharu dijumpai petambah ((nya)) pada perkataan ((empu)). Misalnya:


“Kata yang empunya ceritera . . . . .”

“Pulangkanlah harta itu kepada yang empunya.”

Yang demikian itu ialah mengikut rumusan bahasa Melayu sahaja.

Demikianlah sedikit sebanyak kesalahan yang saya paparkan kepada pembaca-pembaca, mudah-mudahan akan memberi guna

kepada encik-encik guru dan pengarang-pengarang khasnya, dan kepada sidang pembaca amnya. Kesalahan tiada memilih tempat. Ia boleh berlaku di mana-mana pun dan kepada sesiapa jua, baik yang bodoh atau yang cerdik, baik yang sudah belajar di universiti-universiti, baik guru, baik pun murid. Dengan hal yang demikian janganlah kita mudah terikut akan orang yang membuat salah itu oleh sebab ia termasyhur atau berilmu sekalipun. Jangan pula kita terikut-ikut orang yang terpelajar kerana melihatkan dia memulakan ayat dengan ((pula)), ((pun)) dan sebagainya. Ingatlah, yang hak itu tetap yang hak.



#### Di meja Pengarang

### *Tafsir al-Qur'ān al-Karīm*

*Al-Qur'ān al-Karīm* ialah asas agama Islam yang menjadi cahaya pertunjuk kepada umat Islam dan umat manusia seluruhnya.

*Al-Qur'ān al-Karīm* sebuah kitab yang lengkap sempurna dan mengandungi pengajaran dan panduan hidup untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat kelak.

Terjemahan tafsirnya telah tersiar dalam segala bahasa dunia.

Dalam bahasa kebangsaan kita, bahasa Melayu, sebuah tafsir yang lanjut – berpenggal-penggal sedang diusahakan oleh *al-Ustādh* Ahmad Sonhadji Mohamad, guru Madrasah Aljunied, Singapura, bernama “*Tafsir al-Qur'ān al-Karīm*”

Penggal yang ketiga (bahagian akhir sūrat al-Baqarah) baharu terbit dalam bentuk yang indah dan menarik.

Huraiannya jelas dan berdasarkan kitab-kitab tafsir yang muktabar.

Tebalnya 214 muka, kertas putih halus. Hanya \$3.00 sepenggal.

Atas hadiahnya yang berharga ini diucapkan berbilang-banyak terima kasih.